

**Kata Kunci:**  
Beza  
Sederhana/Wasatiyyah  
Hormat  
Kesatuan



## Majlis Ugama Islam Singapura

### Khutbah Jumaat

12 September 2025 / 19 Rabiulawal 1447H

#### Wasatiyyah: Ciri Utama Umat Islam

أَحْمَدَ اللَّهُ عَلَى إِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَى تَوْفِيقِهِ وَأَمْتَنَانِهِ، وَأَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيْمًا لِشَائِنِهِ، وَأَشْهُدُ أَنَّ نَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْدَّاعِي إِلَى رِضْوَانِهِ. الْلَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَإِخْوَانِهِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ. قَالَ تَعَالَى فِي التَّنْزِيلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقًّا تَقَاتِهِ وَلَا تُؤْتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

**Sidang jemaah yang dirahmati Allah,**

Marilah kita tanamkan sifat takwa kepada Allah s.w.t., dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga Allah s.w.t. membalaus usaha ikhlas kita dalam mentaati-Nya, dengan mengurniakan keindahan syurga-Nya kelak. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

**Saudara yang dikasihi sekalian,**

Dalam bulan kelahiran Nabi Muhammad s.a.w., kita menzahirkan kecintaan kepada Baginda dengan pelbagai cara.

Ada yang lebih selesa menzahirkan cinta secara bersendiri, ada pula yang cenderung menyertai sambutan maulid yang meriah.

**Perbezaan** cara ini mencerminkan kepelbagaian pandangan yang wujud di kalangan para ulama. Bahkan, para sahabat Nabi s.a.w. juga **berbeza** pendapat dalam beberapa perkara. Namun, mereka tidak membiarkan **perbezaan** itu menjadi penghalang kepada perpaduan, keharmonian dan kasih sayang sesama mereka.

**Saudaraku,**

Tahukah anda, apakah prinsip yang dipegang oleh para sahabat Rasulullah s.a.w., serta para ulama silam agar **perbezaan** tidak menjadi punca perpecahan? Jawapannya terdapat dalam Surah Al-Baqarah, ayat 143. Firman Allah s.w.t.:

وَكَذِلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا

Yang bermaksud: “Dan demikianlah Kami jadikan kamu sebagai umat yang **bersederhana** dan adil.”

Allah s.w.t. menggambarkan umat Islam sebagai *ummatan wasata* – umat yang **sederhana** dan adil, umat yang tidak terjerumus ke dalam tindakan ekstrem, umat yang menzahirkan kebijaksanaan dan keadilan dalam semua urusan: ibadah, sosial, ekonomi dan hubungan sesama manusia.

Prinsip ***wasatiyyah*** ini amat jelas dihayati oleh para ulama silam ketika mereka berdepan dengan **perbezaan tafsiran**.

**Saudara yang saya muliakan,**

Terdapat tiga cara utama untuk kita mengamalkan prinsip ***wasatiyyah*** dalam kehidupan seharian:

**Pertama: Memahami dan menghormati perbezaan pandangan.**

Selagi ada ruang ijтиhad di kalangan ulama, kepelbagaian pandangan pasti wujud. Ia memperkenalkan perspektif **berbeza** dan memperdalam kefahaman agama kita. Semua ini hanya boleh berlaku selagi mana perbahasan tersebut berada dalam ruang lingkup yang dibolehkan syarak.

Contohnya, berkenaan sambutan Maulidurrasul. Sesetengah umat Islam tidak cenderung mengamalkannya, manakala sebahagian yang lain mengharuskannya kerana terdapat gabungan amalan yang baik seperti berselawat dengan disertakan adab-adabnya, membaca al-Quran dan meneliti sirah Nabi s.a.w. Kedua-dua pendirian ini sahih belaka dan perlu **dihormati**.

**Kedua: Membina pandangan berdasarkan ilmu dan bimbingan ulama muktabar.**

Sebelum memutuskan untuk menyertai atau menjauhkan diri daripada sesuatu amalan, kita perlu membuat kajian, meneliti

dan kemudian merujuk kepada para asatizah atau ulama yang dikenali kewibawaan keilmuannya. Pendirian yang kita ambil mestilah bersandarkan hujah yang berdiri atas dasar dan tradisi keilmuan Islam yang sebenarnya, bukan sangkaan, fanatik terhadap pegangan sendiri, emosi, mahu pun pengaruh sosial.

### **Ketiga: Menghormati hak orang lain untuk berpegang pada pandangan ilmiah yang muktabar.**

Setiap individu berhak berpegang pada pendapat yang terhasil daripada keyakinan kajian ilmiah, bimbingan ulama, dan niat yang ikhlas. Sama ada akhirnya kita memilih untuk menyertai sesuatu perkara atau sebaliknya, setiap pilihan wajar **dihormati** demi menjaga perpaduan umat.

### **Sidang jemaah yang dikasihi,**

Allah s.w.t. berfirman dalam Surah Al-Anfal, ayat 46:

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنْزَعُوا فَتَفْشِلُوا وَتَذَهَّبَ رِيحُكُمْ  
وَاصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿٤٦﴾

Yang bermaksud: “Dan taatilah Allah dan Rasul-Nya, serta janganlah kamu berbantahan sehingga kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan; dan bersabarlah; sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar.”

Sebagai pencinta Rasulullah s.a.w., kita tidak sepatutnya membiarkan **perbezaan** cara menzahirkan kasih sayang

kepada Baginda s.a.w. menjadi punca perpecahan. Sebaliknya, kita perlu menjawai prinsip ***wasatiyyah***, supaya perpaduan, kasih sayang dan saling **hormat-menghormati** terus terpelihara.

Daripada terperangkap dalam perbahasan yang tiada penghujungnya, marilah kita menoleh ke dalam diri kita sendiri:

Apakah yang telah kita amalkan untuk terus memuliakan Rasulullah s.a.w.? Selain memperbanyakkan selawat ke atas Baginda, sejauh manakah kita telah meneladani dan menghidupkan sunnah Baginda dalam tutur kata, akhlak, dan perbuatan kita? Apakah usaha kita untuk memupuk rasa cinta kepada Baginda dalam generasi muda, agar ia terus bersemi dan menjadi cahaya yang membimbing kita sepanjang hidup?

Semoga Allah s.w.t. mengurniakan kita hikmah, kerendahan hati dan kekuatan untuk kekal **bersatu** seperti sebuah binaan yang kukuh, yang saling menguatkan dan menyokong antara satu sama lain. Dan semoga Allah s.w.t. memekarkan lagi cinta kita terhadap Rasulullah s.a.w., serta menjadikan kita umat yang menghidupkan ajarannya. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغُفُورُ  
الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمْرَ، وَأَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عَبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى فِيمَا أَمْرَ، وَانْتُهُوا عَمَّا كَأْكُمْ عَنْهُ وَزَجَرْ.

أَلَا صَلَوَا وَسِلَمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمْرَنَا اللَّهُ بِذِلِكَ حِيثُ قَالَ فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِذَا مَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسِلَمُوا تَسْلِيْمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَأَرْضَ اللَّهَمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الْأُرَاشِدِينَ الْمُهْدِيَّينَ سَادَاتِنَا أَبِي بُكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيِّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَائِبِ وَالْتَّابِعِينَ، وَتَابِعِي التَّابِعِينَ، وَعَنَّا مَعْهُمْ وَفِيهِمْ بَرِّ حَمِّتَكَ يَا أَرْحَمَ الْأَرْحَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمَنَاتِ، وَالْمُسِلِمِينَ وَالْمُسِلَّمَاتِ، الْأُحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ ادْفُعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْمَلَازِلَ وَالْمَحَنَّ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنْ بَلِدِنَا خَاصَّةً، وَسَائِرِ الْبُلْدَانِ عَامَّةً، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعِفِينَ فِي غَزَّةِ وَفِي فِلَسِطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ عَامَّةً، يَا أَرْحَمَ الْأَرْحَمِينَ. اللَّهُمَّ بَدِّلْ خَوْفَهُمْ أَمْنًا، وَحُزْنَهُمْ فَرَحَّا، وَهَمْهُمْ فَرَجَّا، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اكْتِبْ السَّلَامَ وَالسَّلَامَ وَالْأَمَانَ وَالْأَمَانَ

لِلْعَالَمِ كُلِّهِ وَلِلنَّاسِ أَجْمَعِينَ . رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَ فِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً،  
وَ قَنَا عَذَابَ النَّارِ .

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يُأْمِرُ بِالْعُدْلِ وَالإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَ يَنْهَا عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يُعَظِّمُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَدْكُوكُمْ، وَ اشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَ اسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَ لَا دُكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ، وَ اللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .